

# KENYATAAN MEDIA

*Untuk siaran segera*

## TIDAK PATUH SOP: 2 TAPAK BINA DI SARAWAK, 1 TAPAK DI PAHANG, DAN 1 TAPAK DI SABAH DITUTUP

8 Julai 2021

### PEMERIKSAAN TAPAK PEMBINAAN: SARAWAK

Satu Operasi Pemeriksaan Tapak Bina Pelan Pemulihan Negara CIDB Negeri Sarawak telah dilakukan di sekitar Bahagian Kuching dan Betong.

Bilangan tapak bina yang diperiksa adalah sebanyak 8 tapak:

- 4 tapak tidak beroperasi
- 2 tapak beroperasi dan patuh SOP
- 2 tapak **tidak patuh SOP** yang ditetapkan

Tapak-tapak bina tersebut telah diarahkan untuk menghentikan operasi dengan serta merta oleh pasukan penguatkuasa kerana ketidakpatuhan terhadap senarai semak SOP MKN COVID-19, Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) bagi sektor pembinaan dan lain-lain kesalahan seperti berikut:

Kesalahan didapati di tapak-tapak bina termasuk:

- Surat kelulusan MITI yang bercanggah dengan kerja di tapak bina
- Tidak patuh SOP

**Tindakan CIDB Sarawak:** Notis Pemberhentian kerja N3E/2021 dikeluarkan. Kesalahan seksyen 34B - perlanggaran kewajipan sebagai Kontraktor di bawah subseksyen 34C(1).

### PEMERIKSAAN TAPAK PEMBINAAN: PAHANG

Satu Operasi Pemeriksaan Tapak Bina Pelan Pemulihan Negara CIDB Negeri Pahang telah dilakukan di daerah Cameron Highlands, Pahang.

Bilangan tapak bina yang diperiksa adalah sebanyak 7 tapak:

- 5 tapak bina tidak beroperasi
- 1 tapak bina beroperasi dan patuh SOP

- 1 tapak **tidak patuh SOP** yang ditetapkan

Tapak bina tersebut telah diarahkan untuk menghentikan operasi dengan serta merta oleh pasukan penguatkuasa kerana ketidakpatuhan terhadap senarai semak SOP MKN COVID-19, Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) bagi sektor pembinaan dan lain-lain kesalahan seperti berikut:

- Tiada keputusan Saringan Covid pekerja
- Tidak mempunyai kelulusan penginapan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) /Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Tiada pasukan covid-19 diwujudkan
- Tiada ringkasan jadual pelaksana kerja

**Tindakan CIDB Pahang:** Notis Pemberhentian kerja N3E/2021 dikeluarkan. Kesalahan seksyen 34B -perlanggaran kewajipan sebagai Kontraktor dibawah subseksyen 34C(1).

### **PEMERIKSAAN TAPAK PEMBINAAN: SABAH**

Satu Operasi Pemeriksaan Tapak Bina Pelan Pemulihan Negara CIDB Negeri Sabah telah dilakukan di daerah Kinabatangan dan Beluran, Sabah.

Bilangan tapak bina yang diperiksa adalah sebanyak 4 tapak:

- 2 tapak bina tidak beroperasi
- 2 tapak bina beroperasi dan **1 tidak patuh SOP** yang ditetapkan

Satu tapak bina di daerah Kinabatangan dan satu lagi tapak bina di daerah Beluran telah diarahkan untuk menghentikan operasi serta merta oleh pasukan penguatkuasa kerana ketidakpatuhan terhadap senarai semak SOP MKN COVID-19, Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) bagi sektor pembinaan.

Kesalahan didapati di tapak bina Kinabatangan:

- Kerja yang dijalankan tiada kelulusan MITI
- Tidak mempunyai kelulusan penginapan oleh JTK/PBT
- Gagal mematuhi SOP KKM

Kesalahan didapati di tapak bina Beluran:

- Tiada keputusan Saringan Covid pekerja
- Tidak mempunyai kelulusan penginapan oleh JTK/PBT

**Tindakan CIDB Sabah:** Notis Pemberhentian kerja N3E/2021 dikeluarkan. Kesalahan seksyen 34B -perlanggaran kewajipan sebagai Kontraktor dibawah subseksyen 34C(1). Tindakan penalti akan dikenakan terhadap kontraktor jika sabit kesalahan.

## **PEMERIKSAAN TAPAK PEMBINAAN: LANGKAWI**

Satu operasi penguatkuasaan khas CIDB Negeri Kedah bersama pelbagai agensi/jabatan telah dilakukan di tapak bina daerah Langkawi. Operasi bersepadu ini turut melibatkan Jabatan Tenaga Kerja & PERKESO (Langkawi), Pusat Kesihatan Daerah Langkawi (PKD) dan Majlis Pembandaran Langkawi (MPL).

Bilangan tapak bina yang diperiksa adalah sebanyak 3 tapak :

### **Laporan Operasi: Tapak Bina 1 (Bangunan)**

Tindakan yang diambil oleh CIDB Kedah:

- Tapak pembinaan yang diperiksa merupakan projek pembinaan hotel bertaraf 5 bintang yang sudah 90% siap
- Hasil pemeriksaan pasukan penguatkuasa mendapat pihak kontraktor mematuhi keseluruhan SOP MKN PKP 3.0
- Notis N2/2015 telah dikeluarkan pada kepada kontraktor utama untuk mendapatkan maklumat-maklumat terkini senarai sub-kontraktor & Nominated Sub Kontraktor (NSC)
- Amaran secara lisan kepada kontraktor utama untuk memastikan pergerakan keluar masuk pekerja asing dari tapak bina dikawal

Tindakan yang diambil oleh JTK & PERKESO (Langkawi):

- Notis pematuhan telah dikeluarkan kerana tiada perakuan penginapan dan pemantauan oleh agensi akan dilakukan untuk memastikan majikan memohon perakuan penginapan
- PERKESO mendapat pihak kontraktor ada tunggakan caruman PERKESO & EIS/SIP. Amaran secara lisan telah dikeluarkan dan nasihat berkaitan tunggakan diberikan

Tindakan yang diambil oleh PKD (Langkawi):

- Pasukan PKD Langkawi telah menemui 2 tempat pemberian jentik-jentik di dalam kawasan tapak bina
- Sampel larva telah diambil dan akan dihantar ke makmal untuk proses pengecaman larva
- Tindakan mahkamah akan dikenakan ke atas kontraktor jika didapati jentik-jentik yang ditemui adalah aedes kerana ini merupakan kesalahan kali kedua

Tindakan yang diambil oleh Majlis Pembandaran Langkawi (MPL):

- MPL mendapat pihak kontraktor tidak menjaga kebersihan jalan dan rumah pekerja
- *Washing trough* berfungsi tetapi jentera yang keluar dari tapak tidak dicuci

- Kebersihan tapak kerja dan sampah bahan binaan tidak diuruskan dengan baik
- Pihak majlis telah mengeluarkan amaran lisan untuk pihak kontraktor mematuhi dan tindakan akan dikenakan sekiranya tiada sebarang perubahan dilakukan

### **Laporan Operasi: Tapak Bina 2 (Bangunan)**

Tindakan & Rumusan Operasi: Tapak Pembinaan tidak beroperasi (Gagal mendapat Kelulusan MITI kerana projek bukan kritikal)

### **Laporan Operasi: Tapak Bina 3 (Bangunan)**

Tindakan yang diambil oleh CIDB Kedah:

- OPK ke atas tapak pembinaan ini adalah yang kedua dilakukan. Pemeriksaan yang dilakukan ialah untuk memastikan pematuhan SOP MKN PKP 3.0
- Hasil pemeriksaan pasukan penguatkuasa mendapati pihak kontraktor mematuhi keseluruhan SOP MKN PKP 3.0

### **LATAR BELAKANG**

Sebanyak 201 tapak pembinaan diarah tutup sejak 1 Jun lalu, berikutan kegagalan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan, dalam usaha membendung penularan pandemik COVID-19.

Sebanyak 4,466 tapak pembinaan telah diperiksa oleh CIDB. Daripada jumlah berkenaan sebanyak 881 (20%) tapak pembinaan didapati beroperasi, manakala sebanyak 3,585 (80%) tidak beroperasi.

Daripada 881 tapak yang beroperasi didapati 201 tapak pembinaan (23%) tidak mematuhi SOP, manakala 680 (77%) tapak lagi mematuhi SOP. Kesemua 201 tapak pembinaan tidak mematuhi SOP berkenaan telah diarah tutup serta merta. Bagaimanapun, 46 daripada tapak pembinaan yang diarah tutup telah pun dibenarkan dibuka semula, selepas mereka mematuhi SOP yang ditetapkan.

Daripada 201 tapak pembinaan yang ditutup, sebanyak 55 terletak di Sarawak. Negeri-negeri lain pula adalah seperti berikut: Selangor (44), Melaka (17), Kuala Lumpur (17), Johor (13), Sabah (12), P.Pinang (11), N.Sembilan (8), Terengganu (6), Pahang (6), Perak (4), Kedah (3), Perlis (3), Kelantan (2).

Manakala 46 yang dibuka semula selepas didapati mematuhi SOP terletak di negeri Sarawak (15), Selangor (9), Melaka (7), Terengganu (4), Perak (4), Kuala Lumpur (2), Johor (2), Kelantan (1), Sabah (1) dan Kedah (1).

## **PERINGATAN**



Penggiat industri pembinaan perlu mematuhi **Prosedur Operasi Standard (SOP) PPN** terkini yang boleh dimuat turun dari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my). CIDB boleh menutup tapak pembinaan yang didapati tidak mematuhi SOP yang ditetapkan. Mana-mana kontraktor yang melanggar peruntukan Akta 520 dan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain termasuk Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) dan Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990), boleh dibawa ke prosiding tindakan tatatertib kontraktor. Antara tindakan yang boleh dikenakan adalah penalti tidak melebihi RM500,000.00 dan/atau penggantungan dan/atau pembatalan Perakuan Pendaftaran Kontraktor.

####



# CIDB Pahang





# CIDB Langkawi, Kedah

